

Newspaper	Utusan Melayu
Date	05/08/2017E

Dr. M bercakap ikut emosi

UM - 5/8/2017 Pg. 13

MELAKA 4 Ogos - Pengerusi Parti Pribumi Bersatu Malaysia (PPBM), Tun Dr. Mahathir Mohamad kini dilihat lebih banyak mengeluarkan kenyataan berlandaskan kepada emosi semata-mata berikutan dendamnya terhadap kepemimpinan UMNO di bawah Datuk Seri Najib Tun Razak yang belum tamat.

Ketua Pergerakan Pemuda UMNO Melaka, Datuk Zali Mat Yasin berkata, tuduhan Dr. Mahathir bahawa Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Ahmad Zahid Hamidi pernah berjumpanya untuk



ZALI MAT YASIN

menjatuhkan Perdana Menteri dilihat lebih kepada emosi selepas mendedahkan maklumat kad pengenjalannya.

“Dr. Mahathir dilihat cuba memecahbelahkan orang Melayu menerusi tuduhannya terhadap Timbalan Perdana Menteri dan jelas di sini bekas Perdana Menteri itu semakin kerap mengeluarkan kenyataan berlandaskan kepada emosi dan bukannya fakta atau kebenaran.

“Justeru, Pergerakan Pemuda UMNO Melaka menasihatkan Tun (Dr. Mahathir) supaya sudah-sudahlah mengeluarkan kenyataan yang sebegini kerana zaman beliau sudah berlalu, malah ketika pentadbirannya dahulu begitu banyak kontroversi. Berilah peluang kepada Perdana Menteri dan timbalannya melaksanakan tugas.” katanya ketika dihubungi di sini, hari ini.

Pengerusi Pakatan Harapan yang diketuai DAP itu baru-baru ini mendakwa kononnya Timbalan Perdana Menteri cuba mendapatkan sokongan beliau dalam pertemuan berkenaan dan dakwaan tersebut dibuat sebaik sahaja Ahmad Zahid mendedahkan asal-usul Dr. Mahathir.

Ahmad Zahid hari ini mendedahkan mempunyai rakaman perbualannya dengan Dr. Mahathir pada 2015 bagi memastikan beliau tidak kembali terjerat dalam permainan politik bekas Perdana Menteri itu.